



04 JUN, 2026

Malaysia perkukuh peralihan tenaga

Sinar Harian, Malaysia



Malaysia perkukuh peralihan tenaga



FOTO ASRIL ASWANDI MOHD SHUKOR
Fadillah (tiga dari kiri) melawat reruai selepas merasmikan ETCon 2026 di ibu negara pada Rabu.

TNB labur RM43 bilion naik taraf, perkukuh sistem grid elektrik negara

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY MAT NOOR

KUALA LUMPUR - Malaysia terus memperkukuh agenda peralihan tenaga negara menerusi pelaksanaan dasar jelas serta pelaburan strategik bagi memastikan sistem tenaga yang lebih mampan, berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, peralihan tenaga bukan lagi sekadar pilihan, sebaliknya keperluan strategik ketika dunia berdepan peningkatan permintaan tenaga, ketidakpastian geopolitik serta hakikat bahawa sumber bahan api fosil adalah terhad.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata, anggaran semasa menunjukkan rizab minyak dunia mungkin bertahan sekitar 50 tahun, gas asli kira-kira 50 tahun dan arang batu sekitar 130 tahun pada kadar pengeluaran semasa.

"Persoalannya bukan sekadar berapa lama bahan api ini akan bertahan tetapi bagaimana kita dapat mengurus peralihan kepada sistem tenaga yang lebih mampan secara berkesan dan adil," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dan merasmikan Energy Transition Conference 2026 (ETCon 2026) di ibu negara pada Rabu.

Fadillah berkata, Malaysia sejak awal 1990-an telah mengiktiraf ke-

pentingan tenaga boleh diperbaharui (TBB) apabila memperkenalkannya sebagai 'bahan api kelima' di bawah Dasar Tenaga Negara bersama minyak, gas, arang batu dan hidro.

Beliau berkata, portfolio TBB negara kini merangkumi tenaga solar, hidro kecil, biojisim dan biogas dengan tenaga solar muncul sebagai segmen yang berkembang paling pesat.

Ujarnya, berpandukan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang diperkenalkan pada ETCon 2023, Malaysia terus komited meningkatkan perkongsian tenaga boleh diperbaharui dalam campuran tenaga negara.

"Hasil komitmen kukuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan rakan-rakan strategik, negara berjaya mencapai kapasiti terpasang tenaga boleh diperbaharui melebihi 13.3 gigawatt setakat 2025," ujarnya.

Beliau berkata, PETRA turut melancarkan Pelan Strategik 2026-2030 bagi mempercepatkan peralihan tenaga dan transformasi air negara selaras dengan matlamat mencapai pelepasan sifar bersih seawal 2050.

Menurutnya, pelan lima tahun itu merangkumi 119 program dan inisiatif dengan 133 sasaran yang boleh diukur, termasuk menaik taraf grid elektrik, pendigitalan sektor tenaga serta pengurusan permintaan tenaga yang lebih cekap dan responsif.

Fadillah berkata, TNB akan melabur RM43 bilion antara 2025 hingga 2027 untuk menaik taraf dan memperkukuh sistem grid elektrik negara, termasuk mengintegrasikan elemen kecerdasan buatan (AI) bagi mempercepatkan inisiatif tenaga boleh diperbaharui dan agenda peralihan tenaga negara.

Beliau berkata, permintaan elektrik

Persoalannya bukan sekadar berapa lama bahan api ini akan bertahan tetapi bagaimana kita dapat mengurus peralihan kepada sistem tenaga yang lebih mampan secara berkesan dan adil."

- Fadillah

di Asia Tenggara dijangka meningkat antara empat hingga lima peratus setahun dalam tempoh sedekad akan datang, didorong oleh perindustrian, urbanisasi, infrastruktur digital, kenderaan elektrik, keperluan penyediaan dan pusat data AI.

Sehubungan itu katanya, inisiatif ASEAN Power Grid menjadi platform penting bagi memperkukuh perdagangan elektrik rentas sempadan, meningkatkan keselamatan tenaga serantau dan menyokong masa depan tenaga yang lebih berdaya tahan.

Beliau berkata, kerajaan akan terus menyediakan hala tuju jelas kepada pelabur melalui instrumen seperti NETR, namun kejayaan agenda peralihan tenaga memerlukan pelaksanaan yang berdisiplin serta kerjasama erat antara kerajaan, utiliti, pemaju dan institusi kewangan.